

**Najib Terima Kunjungan Hormat Peguam Negara Amerika
Bernama
17 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 17 Julai (Bernama)-- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerima kunjungan hormat Peguam Negara Amerika Syarikat Eric Holder, di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra di sini.

Holder dan rombongannya yang berada di sini untuk lawatan tiga hari, diringi Duta Khas ke Amerika Syarikat, Datuk Seri Jamaluddin Jarjis dan Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail.

Turut hadir ialah penasihat khas Perdana Menteri mengenai Hubungan Antarabangsa Datuk Mohammad Kamal Yan Yahaya dan Pegawai Khas kepada Perdana Menteri merangkap Timbalan Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan Pejabat Perdana Menteri Datuk Mazri Muhammad.

Pertemuan antara Najib dan delegasi Amerika itu berlangsung kira-kira setengah jam.

Terdahulu, Holder dan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menandatangani memorandum persefahaman (MoU) mengenai bantuan dalam bidang jenayah rentas negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681368>

